



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR PEPERIKSAAN AKHIR

NAMA KURSUS : TEORI SENIBINA 1
KOD KURSUS : DSB1053
PEPERIKSAAN : APRIL 2019
MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAH KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: **BAHAGIAN A (10 Markah)**
BAHAGIAN B (30 Markah)
BAHAGIAN C (60 Markah)
 2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
 3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 9 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

O

O


BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab **SEMUA** dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Gambarajah 1 menunjukkan sebahagian elemen dalam senibina Romanesque.

Nyatakan elemen yang di label X



Gambarajah 1

- A *Vault*
- B *Cushion Capital*
- C *Twisted Pillar*
- D *Corbel Table*

2. Carlo Moderno, Baldassare Longhena dan Gian Lorenzo Bernini adalah arkitek-


arkitek terkenal era _____

- A Greek
- B Baroque
- C Romanesque
- D Early Christian

3. Antara yang berikut merupakan jenis-jenis binaan Senibina Jepun **kecuali**

- A Mastaba
- B Shinto Shrine
- C Istana Maharaja
- D Rumah Santapan Teh

4. Gambarajah 2 menunjukkan sebahagian elemen dalam senibina Gothic.
Nyatakan elemen yang dilabel Y




Gambarajah 2

- A *Aisle*
 - B *Flying Buttress*
 - C *Narthex*
 - D *Clerestory*
5. Pilih kenyataan yang betul bagi Senibina Islam.
- i. Cahaya sebagai penambah kualiti dinamik
 - ii. *Courtyard* sebagai ruang luaran yang berunsur privasi
 - iii. Mengaplikasikan ukiran geometri, arabesque dan kaligrafi
 - iv. Elemen air sebagai alat dekorasi dan penegasan paksi ruang
- A i,ii,iv
 - B i,iii,iv
 - C ii,iii,iv
 - D i,ii,iii,iv
6. Antara yang berikut merupakan jenis-jenis gaya bumbung dalam Senibina Jepun kecuali
- A *Irimoya*
 - B *Kirizuma*
 - C *Yariganna*
 - D *Hogyo*

7. Apakah gaya popular Senibina Gothic?

- A Gaya *Barbaric*
- B Gaya dramatik
- C Gaya semulajadi
- D Pendekatan kebangkitan semula

8. Gambarajah 3 menunjukkan sebahagian elemen utama masjid dalam Senibina Islam. Nyatakan elemen yang dilabel Z



Gambarajah 3

- A Hypostyle
 - B Iwan
 - C Mihrab
 - D Kubah
9. Berikut adalah arkitek terkenal semasa era Senibina Renaissance kecuali
- A Lorenzo
 - B Brunelleschi
 - C Charlemagne
 - D Leonardo da Vinci

10. Manakah merupakan kenyataan yang benar tentang Senibina India:

- i. *Gopuram* adalah binaan gerbang masuk ke kuil.
- ii. Merangkumi India, Pakistan, Bangladesh dan Sri Lanka
- iii. Dua jenis gaya utama kuil Hindu ialah *Nagara* dan *Dravida*
- iv. Kuil Hindu di Kemboja di panggil '*Khmer*' dan di Vietnam dipanggil '*Champa*'

- A** i,ii
- B** i,iii
- C** i,ii,iv
- D** i,ii,iii,iv

[10 MARKAH]

O

O

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TIGA(3)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.


SOALAN 1

Lakarkan elemen Senibina Gothic berikut:


- a. *Gargoyles* (2 markah)
- b. *Pointed arch* (2 markah)
- c. *Flying buttress* (2 markah)
- d. *Rose window* (2 markah)
- e. *Ribbed vault* (2 markah)

SOALAN 2

- a. Namakan jenis-jenis *vault* dalam era Romanesque di dalam Gambar rajah 4 berikut:




i



ii



iii



iv

Gambarajah 4

(4 markah)

- b. "Baroque" berasal dari terma 'baroco' dalam bahasa Itali yang bermaksud _____.
(1 markah)

- c. Senaraikan lima(5) kriteria seni Baroque
(5 markah)

SOALAN 3

Jelaskan satu(1) ciri elemen-elemen seni bina berikut dalam bentuk jadual di bawah:

ELEMEN	FUNGSI
Sikhara	
Stupa	
Stambha	
Torana	
Chaitya	

(10 Markah)

[30 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **TIGA(3)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Terangkan prinsip asas yang digunakan oleh arkitek-arkitek zaman Renaissance dalam menghasilkan sesebuah rekabentuk bangunan.
(5 markah)
- b. Berikan nama arkitek yang merekabentuk Villa Rotunda
(1 markah)
- c. Jelaskan fungsi Villa Rotunda
(4 markah)
- d. Terangkan lima(5) ciri yang terdapat pada Villa Rotunda
(10 markah)

(20 markah)

SOALAN 2

- a. Senaraikan dua(2) bahagian utama yang dirancang dalam tata arur konsep 'perbandaran' kota China purba
(2 markah)
- b. Jelaskan bagaimana politik dan pusat pemerintahan memainkan peranan besar dalam pembentukan bandar purba China.
(5 markah)
- c. Namakan sistem modular yang digunakan di dalam pembinaan bangunan-bangunan klasik Senibina China
(1 markah)

d. Terangkan dengan ringkas struktur senibina purba China yang terkenal berikut:

i. Makam Maharaja Qin Shi Huang

(4 markah)

ii. Tembok Besar China

(4 markah)

iii. Istana Maharaja

(4 markah)

(20 markah)

SOALAN 3

a. Senaraikan tiga(3) jenis bangunan (*imarah*) utama dalam Senibina Islam.

(3 markah)

b. Lakarkan masjid gaya *Hypostyle*.

(3 markah)

c. Berdasarkan lakaran tersebut, jelaskan ciri-ciri gaya dengan berpandukan contoh Masjid Kairouan di Tunisia.

(8 markah)

d. Terangkan fungsi elemen dekoratif berikut di dalam Senibina Islam:-

i. *Courtyard*

(3 markah)

ii. Kaligrafi

(3 markah)

(20 markah)

[60 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT